

**Malaysia Tubuh Pusat Keselamatan Makanan Tahun Depan - Liow Tiong Lai  
Bernama  
16 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Kementerian Kesihatan akan menubuhkan Pusat Keselamatan Makanan yang dilengkapi peralatan makmal terkini di Salak Tinggi, Selangor tahun depan, bagi menjamin keselamatan dan kualiti makanan.

Menterinya Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata pusat itu yang diletak di bawah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan akan memastikan produk makanan di Malaysia, khususnya makanan import dijamin selamat dan berkualiti.

"Kami menumpukan kajian bagi memastikan hanya makanan yang selamat dan berkualiti memasuki pasaran dan memudahkan penarikan semula sasaran secara berkesan jika berlaku pencemaran," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Keselamatan Makanan Antarabangsa di sini, Isnin.

Selain itu, Liow berkata kementeriannya juga akan menubuhkan International Food Safety Training Laboratory (IFSTL) Malaysia yang menyediakan akses kepada latihan keselamatan dan kualiti makanan menerusi kerjasama Universiti Maryland, Amerika Syarikat.

Mengulas perkara itu pada sidang media kemudian, Liow berkata selain bertindak sebagai pusat kecemerlangan keselamatan makanan, IFSTL juga dapat mempromosikan eksport produk Malaysia yang selamat untuk pasaran global dan menonjolkan Malaysia sebagai hab keselamatan makanan di rantau ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680934>